

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 24 JUN 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L24913
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam mengawal masalah kenaikan harga keperluan asas.

2. PR-1532-L25445
Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk menyemak semula dasar '*two-state solutions*' atau penyelesaian dua negara bagi mempertahankan kedaulatan rakyat Palestin di Gaza.

3. PR-1532-L25952
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi dan persiapan Kementerian untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026. Apakah halangan dan masalah yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha penyiapan Tahun Melawat Malaysia ini.

4. PR-1532-L25457
Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan taska yang dikesan tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sejauh manakah tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap TASKA berkenaan.

5. PR-1532-L24716

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) statistik dan punca kemalangan melibatkan kenderaan berat bagi suku pertama tahun 2024 ; dan
- (b) tindakan Kementerian dalam strategi mengurangkan kemalangan melibatkan kenderaan berat.

6. PR-1532-L25168

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah warga emas yang ditempatkan di rumah jagaan orang tua termasuk yang dikendalikan pihak swasta dan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk memberikan elauan kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa mereka di rumah bagi mengelakkan pengabaian seperti yang dilaksanakan di negara maju.

7. PR-1532-L24465

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah status kemajuan terkini berkenaan dengan kes tuntutan kumpulan Sulu; dan
- (b) apakah garis masa yang boleh diberikan sebelum kes ini boleh dirumuskan.

8. PR-1532-L25888

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peratus terkini pembinaan kapal Littoral Combatant Ship (LCS) no. 2 serta berapakah jumlah bayaran yang telah diselesaikan oleh Kementerian Pertahanan kepada pihak Lumut Naval Shipyard (LUNAS) untuk kapal LCS no. 2.

9. PR-1532-L25803

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi membanteras budaya *Dark Side*. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap pengendali akaun yang menawarkan aktiviti pelacuran dalam talian seperti *platform X* dan *Telegram*.

10. PR-1532-L25123

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal selia pembangunan dan adaptasi teknologi kecerdasan buatan agar selari dengan kehendak agama, acuan identiti dan perundangan Malaysia.

11. PR-1532-L24468

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah kerjasama MOSTI dan Kementerian Pendidikan Tinggi melalui AI Talent Roadmap 2024-2033 bagi memastikan graduan berkemahiran dalam bidang kecerdasan buatan.

12. PR-1532-L25598

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- (a) apakah inisiatif dan halangan bagi memperkasakan koperasi di bawah seliaan Veteran ATM di peringkat Kementerian Pertahanan; dan
- (b) bagaimana Kementerian menangani halangan/kelemahan ini.

13. PR-1532-L25025

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh JWP untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Brickfields, Kuala Lumpur, terutamanya di Jalan Sultan Abdul Samad.

14. PR-1532-L24487

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pelan khusus Kementerian dalam menangani insiden penyeludupan diesel secara terancang dan sejauh manakah tindakan penguatkuasaan yang tegas telah diambil terhadap mana-mana sindiket yang didapati mengugut stesen minyak yang tidak menjual diesel serta petrol RON95 kepada warga asing.

15. PR-1532-L25645

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perancangan Malaysia apabila mengambil alih peranan sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN pada 2025 kelak bagi memastikan legasi Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN akan meninggalkan kesan positif untuk tahun mendatang baik di rantau Asia Tenggara dan di peringkat global.

16. PR-1532-L24506

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara komprehensif serangan siber yang telah berlaku kepada agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri Perlis dan apakah langkah untuk mengekang berulangnya serangan tersebut.

17. PR-1532-L24380

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian melihat komitmen pelaburan terbaharu berjumlah AS\$2.2 bilion yang diumumkan oleh Microsoft terhadap potensi digital Malaysia. Adakah terdapat rancangan khusus untuk memastikan peluang pekerjaan dan manfaat ekonomi yang dihasilkan melalui pelaburan ini dapat dirasai secara menyeluruh termasuk di Sarawak.

18. PR-1532-L25478

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- (a) syarikat 'soonicorn' yang berpotensi menjadi syarikat 'unicorn' mengikut pecahan Bumiputera dan bukan Bumiputera serta langkah yang diambil untuk merancakkan ekosistem syarikat pemula tempatan; dan
- (b) hala tuju untuk jadikan Malaysia sebagai hub pemula dan digital serantau.

19. PR-1532-L24496

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik menunjukkan bahawa jumlah penonton dan perkongsian bahan-bahan lucah dan kandungan-kandungan ngeri daripada jaringan-jaringan gelap semakin meningkat di Malaysia. Apakah pelan Kementerian untuk membendung masalah ini.

20. PR-1532-L24481

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) perancangan untuk memperkasa Desa Bina Diri yang mengutamakan aspek penjagaan, perlindungan, dan pemulihan kepada pengemis dan orang papa tercapai; dan
- (b) status terkini pembinaan Kuarters Desa Bina Diri di Parlimen Mersing.

21. PR-1532-L25327

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada peruntukan berjumlah kira-kira RM3.51 bilion bagi pembinaan baru, pemberian dan naik taraf infrastruktur asas di Sabah bagi Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-12 :

- (a) berapa daripada jumlah tersebut merupakan projek sambungan dan projek baharu; dan
- (b) daripada projek baharu tersebut, berapa projek (dengan nilai) yang telah dimulakan.

22. PR-1532-L24530

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian dalam pembangunan industri angkasa termasuk menyediakan kerangka kawal selia industri angkasa negara yang komprehensif termasuk penambahbaikan RUU Lembaga Angkasa Malaysia.

23. PR-1532-L24495

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan garis masa penyelesaian semakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk memastikan skop dan penggunaannya melindungi kebebasan bersuara dan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

24. PR-1532-L25438

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk membuat pindaan terhadap *Preclusion Clause* (Klausa Pengecualian) di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan Senarai Negeri bagi mempertahankan bidang kuasa negeri untuk menggubal Undang-Undang Syariah.

25. PR-1532-L24601

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada urusan persempadanan semula kawasan Parliment di Sarawak akan dibuat dalam masa terdekat dan nyatakan faktor-faktor yang menjadi garis panduan dalam urusan persempadanan semula kawasan Parliment mahupun kawasan Dewan Undangan Negeri.

26. PR-1532-L24596

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Senarai Negeri dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan bagi mengelakkan kes cabaran peruntukan undang-undang negeri bagi menjaga kemaslahatan umum orang Islam.

27. PR-1532-L24395

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dana yang diperuntukkan untuk Malaysian Indian Transformation (MITRA) akan dinaikkan dalam belanjawan tahun ini daripada RM100 juta ke RM300 juta.

28. PR-1532-L24987

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Stesen KTM Alor Setar supaya dapat menampung permintaan yang tinggi daripada pengguna serta memberi keselesaan dan kemudahan yang sepatutnya.

29. PR-1532-L25566

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan Kawasan Parlimen Beaufort terutama di kawasan berbukit dan pedalaman dapat menikmati kemudahan akses internet. Adakah teknologi *Free Space Optical Communication* dapat dipraktikkan di kawasan tersebut.

30. PR-1532-L24633

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan tuntutan 40% negeri Sabah seperti yang termaktub dalam Perkara 112C serta Bahagian IV dan V Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, nyatakan juga sejauh mana Kerajaan Persekutuan membezakan tuntutan 40% ini dengan obligasi persekutuan kepada negeri-negeri di bawah Perkara 109.

31. PR-1532-L24867

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) jumlah pelancong asing yang melawat Malaysia dan jumlah pendapatan yang dijana (*international tourism receipts*) pada tahun 2022, 2023 dan 2024 (setakat sekarang) dan perbandingan dengan negara-negara ASEAN yang lain; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong dan perbelanjaan setiap orang.
32. PR-1532-L24734
Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pemberian Pingat Jasa Malaysia (PJM) serta tuntutan elaun khas bulanan kepada veteran tentera yang telah berjuang menjaga kedaulatan negara semasa darurat menentang pengganas komunis (veteran tentera yang berkhidmat sebelum 2 Disember 1989).
33. PR-1532-L25067
Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia atau mempunyai perancangan untuk melaksanakan kemudahan pengangkutan awam seperti van mini di kawasan pedalaman luar bandar terutamanya di kawasan Julau, Sarawak.
34. PR-1532-L25682
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan MADANI terhadap pendekatan *two-state solution* dalam isu Palestin-Israel, memandangkan *genocide* ke atas Gaza sudah meragut lebih 36,000 nyawa rakyat Palestin.
35. PR-1532-L24701
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan untuk menghadapi fenomena penuaan yang mendadak di negara kita. Apakah dasar atau pembaharuan yang dicadangkan untuk menangani masalah ini terutamanya berkaitan dengan persaraan dan keselamatan sosial.
36. PR-1532-L24589
Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Tabung Haji mempunyai perancangan untuk mengemaskini tahun untuk menunaikan haji bagi setiap warganegara yang berdaftar yang layak menunaikan haji melalui aplikasi THiJARI memandangkan tahun kelayakan untuk menunaikan haji terkini sudah melebihi tahun 2100.
37. PR-1532-L25029
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif-inisiatif digital yang telah dilaksanakan di peringkat Kementerian dan berapa peratusan kejayaan dalam pelaksanaan ini.

38. PR-1532-L24963

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kajian kebolehlaksanaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di bawah NASP serta sejauh mana rancangan pembinaan hub *transhipment* antarabangsa kargo di KXP telah dikemaskini dalam kajian NASP tersebut.

39. PR-1532-L24792

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dikenakan kepada portal HarapanDaily yang mengeluarkan berita yang salah yang bertajuk "Sultan Pahang beri amaran terhadap amalan bawaan PAS", yang secara langsung memfitnah Sultan Pahang.

40. PR-1532-L24625

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perbelanjaan dana MITRA bagi tahun 2023. Setakat ini, berapa dana MITRA yang telah dibelanjakan bagi tahun ini dan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi masyarakat India yang berimpak tinggi.

41. PR-1532-L25080

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan tegas yang telah dilakukan Kementerian dalam menangani lambakan judi online yang begitu mudah diakses pada waktu ini oleh orang ramai daripada pelbagai peringkat umur.

42. PR-1532-L24381

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah keseluruhan pengguna internet di Sarawak pada masa kini, dan nyatakan pecahan data mengikut zon geografi dan demografi; dan
- (b) apakah tahap literasi digital di kalangan penduduk Sarawak, dan bagaimana angka ini dibandingkan dengan purata nasional.

43. PR-1532-L25661

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah orang kurang upaya (OKU) yang telah menyertai sektor pekerjaan di Malaysia sejak 2022 hingga kini dan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan golongan OKU yang berbakat dan berkebolehan mendapat peluang pekerjaan yang setara dengan individu normal.

44. PR-1532-L24602

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Sarawak melalui agensi NADMA mulai tahun 2020 sehingga 2024 mengikut aktiviti dan program khususnya untuk kawasan Parlimen Baram.

45. PR-1532-L24568

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang sedang dijalankan di peringkat Kerajaan dalam menangani isu keruntuhan institusi kekeluargaan yang melibatkan skandal dengan suami orang, pergaulan bebas antara bukan mahram, hubungan jarak jauh (PJJ) dan sebagainya.

46. PR-1532-L24519

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah terkini Persatuan Veteran ATM yang berdaftar dan aktif serta jumlah peruntukan yang diterima.

47. PR-1532-L24967

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjelasan insiden penganjuran Festival Pink Fish menggunakan tren KTMB baru-baru ini yang mendorong kemarahan orang ramai kerana telah mencemarkan nama baik Islam sebagai agama Persekutuan dan langkah yang diambil bagi memastikan kejadian ini tidak berulang kembali.

48. PR-1532-L24720

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :

- (a) peranan terkini Malaysia dalam krisis kemanusiaan dan hak asasi di Palestin; dan
- (b) kesan jangka masa panjang terhadap Malaysia dalam isu krisis kemanusiaan dan hak asasi di Palestin.

49. PR-1532-L24733

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan Majlis Angkatan Tentera (MAT) setelah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa MAT gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dalam isu pelarasan pencen veteran ATM yang berpencen sebelum 1 Januari 2013.

50. PR-1532-L25157

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kekerapan pemantauan kawalan keselamatan di perairan Kudat dan aset pertahanan yang digunakan untuk operasi kawalan keselamatan sempadan.

51. PR-1532-L24411

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh masa pengajaran Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) kepada 15 jam seminggu dan dinaikkan elau bulanan guru-guru KAFA dengan jumlah yang munasabah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan program KAFA di peringkat menengah rendah.

52. PR-1532-L24858

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) perkembangan rundingan/pelaksanaan Pelan Induk Pesisir Pantai Utara (North Seafront Masterplan) iaitu cadangan pembangunan di pesisir pantai Pulau Pinang ke arah mencapai status *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang telah dikemukakan sebelum ini; dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan khas bagi pelaksanaannya, jika ya berapa jumlahnya serta bila. Jika tidak, apakah sebabnya.

53. PR-1532-L24645

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi kekurangan para pendakwah yang boleh berkhidmat sepenuh masa membimbing saudara-saudara baru bagi memahami Islam dan mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar terutama di kawasan-kawasan pedalaman.

54. PR-1532-L24403

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyarankan supaya Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang menyemak semula keputusan tahun 2019 yang mengehadkan kelayakan calon-calon yang layak menduduki peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

55. PR-1532-L25757

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan / KTM bercadang untuk menambahkan kekerapan perjalanan ETS KL Sentral ke Padang Besar memandangkan laluan ini permintaannya lebih tinggi berbanding dengan laluan KL Sentral ke Butterworth. Laluan KL Sentral ke Padang Besar kapasitinya sentiasa penuh berbanding dengan laluan KL Sentral ke Butterworth.

56. PR-1532-L24950

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memberikan tekanan di peringkat antarabangsa bagi menghentikan krisis kemanusiaan dan genosid ke atas rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh pihak Israel serta gesaan kepada negara dunia bagi mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negeri berdaulat.

57. PR-1532-L25113

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana komitmen dan usaha Kerajaan terhadap resolusi yang dicapai di dalam Persidangan Ketiga Penerbangan dan Bahan Bakar Alternatif (CAAF/3) pada November 2023 untuk membangunkan dan menghasilkan bahan api penerbangan mampan (SAF) dan bahan api penerbangan karbon rendah (LCAF).

58. PR-1532-L25356

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bersedia memberikan geran tetap atau dana khas secara berkala kepada rumah kebajikan kanak-kanak atau warga emas swasta yang menawarkan perkhidmatan tanpa menerima bayaran tetap daripada keluarga penghuni, kerana penghuni tidak mempunyai ahli keluarga atau ditinggalkan oleh keluarga asal.

59. PR-1532-L25639

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah kesan kuasa boikot terhadap jenama-jenama yang berhubung kait dengan Zionis Israel merentas sektor perniagaan dan pada tahap manakah perniagaan tempatan atau barang buatan Malaysia mendapat manfaat dalam aspek pengembangan produk dan perniagaan kesan daripada gerakan boikot ini.

60. PR-1532-L25531

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah jemaah yang telah menunaikan haji pada musim Haji 2024 mengikut pecahan kos B40, M40 dan T20 dan berapa jumlah keseluruhan subsidi haji yang ditanggung oleh Kerajaan pada tahun ini.

61. PR-1532-L24556

Dr. Ahmad Fakhruruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan strategi Kementerian bagi meningkatkan semula keyakinan rakyat terhadap amalan kebebasan media berdasarkan kedudukan ke 107, Indeks Kebebasan Media Dunia 2024 yang diterbitkan oleh Reporters Without Borders (RSF) berbanding pada tangga ke-73 pada tahun 2023.

62. PR-1532-L24762

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah syarat yang menjadikan 22 orang calon sahaja yang berlayak untuk memohon biasiswa JPA-PPN untuk bidang selain bidang kejuruteraan/sains dan teknologi.

63. PR-1532-L25765

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur operasi standard bagi raih dana untuk pemilihan parti dan juga pilihan raya umum kerana kita masih tidak mempunyai Akta Pendanaan Politik.

64. PR-1532-L25328

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan-cadangan reformasi institusi oleh Kerajaan dalam tempoh 3 tahun yang akan datang. Bilakah pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan pilihan raya pihak berkuasa tempatan akan dilaksanakan.

65. PR-1532-L25891

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkara-perkara melibatkan usaha Transfer of Technology (ToT) daripada Syarikat STM Savunma dari Turkiye kepada pemain industri tempatan berkait anugerah kontrak pembinaan Kapal Littoral Mission Ship (LMS) Batch 2 untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

66. PR-1532-L24861

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan penggubalan Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender dan sejauh mana kerangka perundungan ini tersedia. Apakah usaha Kementerian dalam melaksanakan belanjawan responsif gender (GRB) di bawah Agenda Keterangkuman dalam Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2025 termasuk dengan mengambil kira keterlibatan umum serta pihak-pihak berkaitan.

67. PR-1532-L24915

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengurangkan hukuman RUU 355 daripada cadangan asal pindaan 30 tahun penjara kepada 15 tahun, denda daripada RM100,000 kepada RM40,000 dan 100 sebatan kepada 40 sebatan.

68. PR-1532-L25574

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan kebebasan media di Malaysia untuk mengelakkan berulangnya kejatuhan mendadak kedudukan negara dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2024.

69. PR-1532-L24933

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dapatan terkini usaha untuk penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah dan sivil terutamanya daripada sudut enakmen jenayah syariah, pentadbiran Islam dan keluarga Islam yang digerakkan oleh Jawatankuasa Khas di bawah MKI.

70. PR-1532-L24751

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah respon Kementerian terhadap jumlah kelahiran yang semakin merosot dengan penurunan 9.4% yang bakal memberi impak kepada bekalan tenaga dan bakat dalam pasaran dan ekonomi Malaysia dalam keadaan negara menuju status negara menua tahun 2030.

71. PR-1532-L24458

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengukuhkan kebebasan bersuara di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan, terutamanya dalam melibatkan pemindaan atau pemansuhan akta-akta yang dipersepsikan sebagai menyekat kebebasan bersuara seperti Akta Hasutan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

72. PR-1532-L25120

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengetatkan syarat-syarat sewaan khas (*Charter Train*) agar tidak disalahgunakan bagi tujuan menganjurkan konsert liar yang tidak bersesuaian dengan norma masyarakat Malaysia.

73. PR-1532-L24775

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme memastikan Sabah boleh mengoptimumkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Sabah hanya mampu membelanjakan lebih kurang 20% peruntukan keseluruhan yang bernilai berbilion disebabkankekangan masa dan karenah birokrasi yang menyebabkan banyak projek tertangguh dan kemunduran.

74. PR-1532-L24587

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah rakyat negara ini yang terbabit dengan Haji DIY. Apakah tindakan yang akan diambil kepada agensi yang menyediakan Haji DIY dan langkah proaktif bagi memastikan jemaah tidak terpedaya ketika ingin melakukan ibadah haji.

75. PR-1532-L24446

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan permohonan petisyen penyemakan semula hukuman mati telah didengar di hadapan Mahkamah Persekutuan serta bilangan hukuman mati yang dikekalkan bagi tempoh 14 November 2023 hingga 31 Mei 2024.

76. PR-1532-L24572

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah memastikan kadar tambang KLIA Ekspres dan KLIA Transit tidak melambung naik susulan perjanjian konsesi tambahan yang tidak lagi mengandungi klausa pampasan sekiranya permohonan kenaikan tambang tidak diluluskan Kerajaan.

77. PR-1532-L24749

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berdasarkan lima strategi untuk meningkatkan sistem pertahanan negara, apakah kemajuan dalam mengintegrasikan AI dalam strategi-strategi tersebut termasuk proses merekrut anggota berkebolehan dan pembangunan dan perkembangan industri pertahanan.

78. PR-1532-L24693

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan jangka pendek pihak Kementerian khususnya dalam menambah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NaDi) sebanyak 186 buah lagi sepanjang tahun ini dan adakah sudah termasuk sekali di Parlimen Pasir Puteh dengan tujuan untuk menjana sosioekonomi setempat.

79. PR-1532-L24415

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi dari perlaksanaan subsidi diesel bersasar dan bagaimana cara untuk mengatasinya supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada rakyat.

80. PR-1532-L24874

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kekangan yang menyebabkan Kerajaan masih belum menguatkuaskan dasar yang mewajibkan pengisytiharan harta dan aset bagi semua anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan sehingga kini.

81. PR-1532-L25024

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tambahan RM4.7 bilion yang akan dibelanjakan untuk sambungan LRT3 dan tren, adakah Prasarana dapat mengekalkan sela perkhidmatan sedia ada 3 minit pada waktu puncak yang boleh memberi manfaat besar kepada penumpang.

82. PR-1532-L24941

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pelan tindakan bagi pengantian aset pesawat udara TLDM selepas tragedi pelanggaran helikopter jenis Fennec dan helikopter jenis AW 139 pada 23 April 2024 lalu yang telah mengorbankan 10 nyawa.

83. PR-1532-L24765

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang status hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat selepas Amerika Syarikat masih sokong *genocide* yang dilakukan oleh rejim Israel ke atas rakyat Palestin, khususnya sama ada Kedutaan Amerika Syarikat "diturun taraf" dalam urusannya dengan Malaysia khususnya permohonan membeli tanah GLC Kerajaan.

84. PR-1532-L25687

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah syarikat yang mempunyai kepakaran dan kebolehan bagi mengendalikan sistem Demand Responsive Transit (DRT) di negara ini.

85. PR-1532-L24848

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kemasukan pelancong dari China dan India selepas Kerajaan memberikan pengecualian visa selama 30 hari kepada pelancong daripada kedua-dua negara tersebut sejak ia diperkenalkan pada 1 Disember 2023 sehingga Jun 2024.

86. PR-1532-L25624

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Markas Wilayah Laut 4 di Bintulu akan siap dibangunkan dan apakah usaha Kerajaan dalam memperkasa aset pertahanan laut di Sarawak demi melindungi kedaulatan negara.

87. PR-1532-L24655

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini kajian dalam pelaksanaan pampasan (Diyat) sama ada dalam perundangan Islam maupun sivil.

88. PR-1532-L25993

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa cadangan pembinaan jambatan Labuan - Sabah dan bila akan mula dilaksanakan.

89. PR-1532-L24508

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah perancangan untuk menambah bilangan Pusat Desa yang boleh berfungsi sebagai hub pendidikan digital terutamanya di Parlimen Padang Besar.

90. PR-1532-L24612

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah jemaah haji tahun ini, yang telah pun menunaikan haji sebelum ini iaitu mereka yang menunaikan haji kali kedua, ketiga, dan seterusnya. Kuota haji khas untuk Menteri dan Ahli Parlimen wajar diberikan kerana bilangan kumpulan ini adalah kecil sahaja dan kami juga rakyat Malaysia.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024.

2. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

“BAHAWA pada hari Rabu, 28 Februari 2024 dan Khamis, 21 Mac 2024 Yang Berhormat Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan, Ahli Parlimen Tasek Gelugor telah menyatakan bahawa pertuduhan kes mahkamah terhadap Yang Berhormat Tasek Gelugor boleh dibatal dan digugurkan masing-masing seperti dalam Penyata Rasmi muka surat 41 pada 28 Februari 2024 dan Penyata Rasmi muka surat 38 dan 39 pada 21 Mac 2024.

BAHAWA Dewan yang mulia ini memandang serius kenyataan Ahli Parlimen Tasek Gelugor dimana secara tersirat telah mendakwa bahawa ada individu yang konon bertindak bagi Kerajaan boleh memanipulasi untuk membatal atau mengugur pertuduhan kes mahkamah terhadap Ahli Parlimen Tasek Gelugor.

BAHAWA perbuatan ini telah menunjukkan Ahli Parlimen Tasek Gelugor telah menyebut perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah dan boleh dianggap merosakkan kepentingan pihak-pihak yang berbicara dalam kes tersebut.

MAKA INI DIPERSETUJUI BAHAWA Yang Berhormat Tasek Gelugor hendaklah dirujukkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan untuk membuat penentuan sama ada kenyataan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Tasek Gelugor dalam Dewan itu mengelirukan Dewan dan merosakkan kepentingan pihak-pihak yang berbicara dalam kes tersebut dan mengambil apa-apa keterangan yang difikirkan perlu dan lepas itu Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor dalam satu penyata untuk pertimbangan Dewan."

2. (D.R 11/2024) Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

3. (D.R 12/2024) Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. “

[Menteri Sumber Manusia]

4. (D.R 7/2024) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. “

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

"**Bahawa Dewan ini,**

membuat ketetapan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2021 dan Tahun 2022 (Kertas Statut ST.86 Tahun 2024 dan ST.87 Tahun 2024) untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam kedua-dua Laporan Tahunan ini;

memperakui bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk diberi penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik di kalangan rakyat;

mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangani dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

menyokong kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan yang berterusan oleh Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

Bahawa dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi Hak Asasi Manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

6. (D.R 13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

7. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebangkan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

8. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

11. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

13. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah."

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

15. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2021	24 Jun 2024
ST. 26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2021	24 Jun 2024
ST. 57	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) Bagi Tahun 2021	24 Jun 2024
ST. 60	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2022	24 Jun 2024
ST. 61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2022	24 Jun 2024
ST. 66	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2023	24 Jun 2024
ST. 70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2023	24 Jun 2024
ST. 71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2023	24 Jun 2024
ST. 72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2022	24 Jun 2024
ST. 73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2022	24 Jun 2024
ST. 86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2021	24 Jun 2024
ST. 87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2022	24 Jun 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (Jelebu)	1. Jambatan Sempit dan Pembinaan Jambatan Baharu di Parlimen Jelebu 2. Pencahayaan Lampu Jalan di Kawasan Parlimen Jelebu	1. YB Menteri Kerja Raya 2. YB Menteri Kerja Raya
YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)	3. Keperluan Aset Perubatan dan Naik Taraf Kemudahan Perubatan di Klinik Kesihatan di Daerah Mersing 4. Skim Jawatan Kontrak bagi Pegawai Farmasi UF41 di Hospital Kerajaan	3. YB Menteri Kesihatan 4. YB Menteri Kesihatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**